

Sekitar Program Taklimat Naib Canselor Ke Arah Universiti Penyelidikan di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, di sini, semalam

UUM ONLINE: Pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) sedang mempergiatkan usaha untuk merealisasikan impian sebagai Universiti Penyelidikan pertama dalam bidang Pengurusan dan Sains Sosial menjelang 2013.

"UUM berhasrat untuk menjadi sebuah Universiti Penyelidikan dalam acuan sendiri iaitu dalam bidang Pengurusan dan Sains Sosial berbanding lima Universiti Penyelidikan lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang memberi tumpuan utama dalam bidang Sains dan Teknologi," kata Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Mustafa berkata, semua pihak dalam universiti ini harus meningkatkan daya saing yang tinggi dan semangat kental bagi membuktikan kebolehan dan kepakaran universiti ini dalam bidang Pengurusan, Perniagaan dan Sains Sosial.

"Lantaran itu, semua staf diminta memberi kerjasama yang padu dalam usaha membantu universiti bagi memenuhi semua kriteria sebagai Universiti Penyelidikan yang diakui salah satu jentera penting untuk mempercepatkan proses anjakan kepada ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan.

"Oleh demikian, fokus yang tinggi amat penting untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka kerana sebagai universiti yang keenam wujud, begitu besar juga harapan agar universiti ini akan dipilih sebagai Universiti Penyelidikan yang keenam selepas UTM," katanya ketika berucap dalam Program Taklimat Naib Canselor Ke Arah Universiti Penyelidikan di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, di sini, semalam.

Selain itu, katanya, UUM berada di tempat kedua dalam penerbitan buku bidang pengurusan, sejak 1975 hingga ke 2010 berbanding dengan USM, manakala dalam bidang Sains Sosial pula UUM berada pada kedudukan yang keenam mengatasi UTM yang kedua-duanya telah mendapat gelaran Universiti Penyelidikan dan ini membuktikan kemampuan universiti ini mampu maju ke hadapan.

Tambah beliau, antara beberapa cabaran yang perlu dihadapi untuk menjadi Universiti Penyelidikan ialah, meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik, memastikan kuantiti dan kualiti penyelidikan serta meningkatkan kuantiti pasca siswazah.

"Cabaran-cabaran ini mampu ditangani dengan baik sekiranya perancangan yang bijak dilakukan untuk mencapai hasrat menjadi sebuah Universiti Penyelidikan menjelang 2013," katanya.

DARIPADA :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283014 / 3066 / 4078
FAX : 04-9283016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my